





SOALAN-SOALAN LAZIM

PENUTUPAN SISTEM MBRS BAGI SERAHSIMPAN DOKUMEN BERKANUN SYARIKAT YANG TERLIBAT


| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|--|---|
| 1. | Bilakah tarikh penutupan sistem MBRS bagi serah simpan dokumen berkanun syarikat? | <p>Penutupan sistem MBRS adalah bermula dari 14 September 2024 – 22 September 2024.</p> <p>Ini adalah bagi memberi laluan untuk kerja-kerja menaik taraf sistem MBRS 2.0.</p> |
| 2. | Adakah syarikat masih dikehendaki menyerah simpan dokumen berkanun walaupun sistem MBRS ditutup? | <p>Tiada keperluan untuk syarikat menyerah simpan dokumen berkanun* yang biasanya dilakukan melalui sistem MBRS. Serah simpan dokumen hanya perlu dibuat melalui MBRS 2.0 setelah sistem kembali beroperasi.</p> <p>*Sila rujuk soalan 3.</p> |
| 3. | Apakah dokumen berkanun syarikat yang terlibat bagi serah simpan ketika penutupan sistem MBRS ini? | <p>Kesemua dokumen mandatori berkanun syarikat yang terlibat di bawah serah simpan sistem MBRS termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) Penyata Tahunan (PT);(ii) Penyata Kewangan dan Laporan (PK) Tidak Diaudit;(iii) <i>Exempt Private Company</i> (EPC); dan(iv) Permohonan pengecualian atau lanjutan masa bagi PT dan PK yang telah dimandatorikan (EA). <p>Serah simpan dokumen berkanun yang masih belum dimandatorikan di bawah MBRS:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) PK Beraudit; dan(ii) Permohonan pengecualian atau lanjutan masa bagi PK (EA). |


| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|------------|--|--|
| 4. | Bagaimanakah sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk serah simpan dokumen berkanun ketika sistem MBRS ditutup? | Sekiranya terdapat keperluan mendesak serah simpan dokumen boleh dilakukan melalui serahan kaunter. |
| 5. | Adakah syarikat yang terlibat akan dikenakan fi lewat serah simpan apabila sistem MBRS 2.0 ini kembali beroperasi? | SSM akan memberikan tempoh pengecualian fi lewat serah simpan hanya kepada syarikat yang terkesan* akibat tempoh penutupan sistem MBRS ini. *Sila rujuk soalan 6. |
| 6. | Apakah definisi syarikat yang terkesan daripada penutupan sistem MBRS ini? | Syarikat yang terkesan adalah syarikat yang mana tarikh ulang tahun serah simpan PT bermula pada 08 Ogos 2024 sehingga 17 Ogos 2024 mengikut peruntukan seksyen 68 dan 576 Akta Syarikat 2016 (AS 2016) jatuh dalam tempoh penutupan sistem MBRS. |
| 7. | Berapa lamakah tempoh pengecualian fi lewat serah simpan ini akan diberikan melalui sistem MBRS? | Tempoh pengecualian fi lewat serah simpan ini akan bermula pada 14 September 2024 sehingga tempoh munasabah iaitu pada 30 November 2024. |
| 8. | Bagaimanakah syarikat ingin menyerah simpan semula dokumen berkanun yang telah dikueri melalui sistem MBRS 1.0 dalam tempoh penutupan sistem MBRS ini? | Dokumen berkanun syarikat yang telah dikueri melalui sistem MBRS 1.0 perlu menggunakan MBRS Tool 2.0 (mTool 2.0) dan fail zip tersebut perlu dijana semula sebelum serahan dilaksanakan di dalam MBRS Portal 2.0 (mPortal 2.0) ini. |
| 9. | Sekiranya serah simpan PT telah dilakukan melalui kaunter namun dikueri oleh pihak SSM, bolehkah syarikat melakukan serah simpan dokumen pembetulan tersebut melalui sistem MBRS apabila ia beroperasi semula? | Syarikat yang telah dikueri melalui serahan kaunter hendaklah meneruskan serahan pembetulan dokumen berkanun tersebut melalui serahan kaunter. |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|------------|--|--|
| 10. | Bagaimana syarikat ingin membuat permohonan pengecualian atau lanjutan masa serah simpan dokumen berkanun atau <i>Change of financial year end</i> ketika sistem MBRS ditutup? | <p>Syarikat boleh memohon pengecualian atau lanjutan masa serah simpan PT dan PK atau <i>Change of financial year end</i> melalui serahan kaunter.</p> <p>Sila layari https://www.ssm.com.my/Pages/Legal Framework/Companies-Act-2016.aspx untuk mendapatkan format dokumen berkanun sebagai rujukan.</p> |
| 11. | Bagaimanakah sekiranya syarikat ingin melakukan pindaan ke atas dokumen berkanun yang telah diserah simpan di dalam MBRS 1.0 ketika sistem MBRS ditutup? | Syarikat perlu serah simpan melalui kaunter surat iringan (<i>cover letter</i>), Dokumen Seksyen 602 AS 2016, <i>Statutory Declaration (SD)</i> dan dokumen pindaan PT atau PK dengan bayaran RM300.00 dan fi yang diperuntukkan di bawah Jadual (Peraturan 8) Fi, Peraturan-Peraturan Syarikat 2017 untuk tindakan Pegawai SSM selanjutnya. |
| 12. | Bagaimanakah sekiranya syarikat telah menyerah simpan dokumen rektifikasi (Dokumen Seksyen 602 AS 2016 dan <i>Statutory Declaration (SD)</i>) melalui kaunter untuk pindaan dokumen berkanun dalam sistem MBRS 1.0 dan belum mendapat kelulusan bagi <i>Rectification Application</i> dalam MBRS 1.0? | Syarikat disarankan untuk berhubung dengan pegawai yang berkaitan bagi mendapatkan status serah simpan permohonan <i>Rectification Application</i> dalam MBRS 1.0 tersebut. |
| 13. | Sekiranya syarikat telah mendapat kelulusan <i>Rectification Application</i> melalui MBRS 1.0, bagaimanakah syarikat ingin menyerah simpan dokumen pindaan tersebut melalui MBRS 2.0? | <p>Dokumen pindaan perlu diserah simpan melalui sistem MBRS 2.0 setelah kembali beroperasi. Walau bagaimanapun, fail zip tersebut perlu dijana menggunakan MBRS Tool 2.0 semula.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Permohonan Rektifikasi bagi PT di dalam mTool 2.0 adalah seperti berikut: |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|--------|---|
| | |  <p>The screenshot shows the 'Filing Information' window in mTool 2.0. The 'Type of submission' dropdown is open, and 'Rectification filing' is selected. Other options like 'Ordinary filing' and 'Court order filing' are also visible.</p> |
| | |  <p>The screenshot shows the 'Filing Information' window. The 'Court Order reference number' field is filled with '05/07/2024'. The 'Type of submission' dropdown is open, showing 'Rectification filing' as the selected option.</p> |
| | | <p>2. Permohonan Rektifikasi bagi PK dalam mTool 2.0 adalah seperti berikut:</p>  <p>The screenshot shows the 'Filing Information' window. The 'Type of submission' dropdown is open, and 'Rectification filing' is selected. Other options like 'Ordinary filing' and 'Court order filing' are also visible.</p> |
| | |  <p>The screenshot shows the 'Filing Information' window. The 'Court Order reference number' field is filled with '05/07/2024'. The 'Type of submission' dropdown is open, showing 'Rectification filing' as the selected option.</p> |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|------------|--|--|
| 14. | Adakah syarikat akan dikenakan tindakan kompaun atas kelewatian menyerah simpan dokumen berkanun akibat penutupan sistem MBRS? | <p>Pengecualian kompaun akan diberikan hanya kepada syarikat yang terkesan dalam pematuhan peruntukan AS 2016 akibat serah simpan yang tidak dapat dilakukan pada tempoh serahan sepatutnya akibat penutupan sistem MBRS.</p> <p>Adalah diingatkan agar syarikat tidak menangguhkan serah simpan dokumen berkanun* apabila sistem MBRS 2.0 kembali beroperasi yang akan dimandatorikan semula sepenuhnya pada 1 Disember 2024.</p> <p>*Sila rujuk soalan 3</p> |
| 15. | Adakah latihan berkaitan MBRS 1.0 masih relevan selepas sistem MBRS 2.0 beroperasi semula? | Pengguna dinasihatkan untuk mengikuti latihan berkaitan MBRS 2.0 mengikut jadual yang ditawarkan oleh pihak Akademi Latihan SSM / COMTRAC. |
| 16. | Apakah yang akan terjadi bagi pemegang sah <i>Digital Certificate</i> yang masih aktif? | Tempoh sah <i>Digital Certificate</i> adalah masih mengikut tarikh luput yang asal. |
| 17. | Apakah yang perlu dilakukan sekiranya tempoh sah <i>Digital Certificate</i> tamat dalam tempoh penutupan sistem MBRS? | Pemegang <i>Digital Certificate</i> dinasihatkan untuk memperbaharui sijil melalui https://mycrs.posdigicert.com.my/ . |
| 18. | Apakah <i>browser</i> yang bersesuaian untuk mengakses MBRS? | Paparan terbaik adalah dengan menggunakan <i>Mozilla Firefox</i> dengan resolusi 1024 x 768. |
| 19. | Apakah keperluan mandatori bagi penggunaan MBRS 2.0? | <p>Setiausaha syarikat perlu mematuhi peruntukan sekyen 241 Akta Syarikat 2016 yang berkuatkuasa mulai 15 Mac 2019 berkaitan sijil Perakuan Amalan Setiausaha Syarikat bagi penggunaan MBRS 2.0.</p> <p>Sila layari https://www.ssm.com.my/Pages/eSecretary.aspx untuk pendaftaran dan maklumat lanjut.</p> |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|---|--|
| 20. | <p>Penyediaan PT di bawah mTool 2.0</p> <p>Apakah pilihan yang perlu dikemukakan bagi Section G di bawah item (f)?</p>  | <p>Syarikat perlu memilih dan memasukkan maklumat pemunyaan benefisial (BO) berdasarkan panduan yang dinyatakan dalam <i>GUIDELINES FOR THE REPORTING FRAMEWORK FOR BENEFICIAL OWNERSHIP OF COMPANIES</i>.</p> <p>Syarikat perlu memastikan maklumat BO adalah maklumat terkini yang direkodkan dalam daftar BO yang disimpan di peringkat syarikat.</p> <p>Namun perlu diingatkan bahawa pengemaskinian BO perlu dilakukan melalui <i>Electronic Beneficial Ownership System (e-BOS)</i> terlebih dahulu sebelum serah simpan dilaksanakan di bawah mPortal 2.0 bersama dengan PT.</p> <p>Memandangkan tiada syarikat akan dikecualikan daripada pelaporan BO, syarikat tidak dibenarkan membuat pilihan berikut:</p> <p>“Company is Exempted Company from BO Reporting”.</p> <p>Sekiranya syarikat masih menyerah simpan <i>zipfile / instant</i> tersebut, mPortal 2.0 akan menjana status “ERROR” apabila proses memuat naik dilakukan.</p> |

| BIL | SOALAN | JAWAPAN |
|-----|--|--|
| 21. | Apakah penyataan yang perlu dipilih dan maklumat yang dimasukkan di bawah Section G bagi item (h)? | <p></p> <p>Berikut adalah tatacara serah simpan maklumat berkenaan pengarah nomini bagi item (h) di bawah Section G. Tatacara ini hendaklah dipatuhi sehingga peruntukan undang-undang berhubung pengarah nomini dikuatkuasakan kelak.</p> <p>Syarikat boleh memilih mana-mana penyataan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) <i>Company has Director (s) appointed as Nominee Director (s); atau</i> (ii) <i>None of the Director (s) of the company is a Nominee Director,</i> <p>walaubagaimanapun, tiada dokumen yang perlu dilampirkan ketika serah simpan PT.</p> |

Tarikh Kemaskini: 21 September 2024